

NO. SOALAN: 15

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KETIGA BELAS (2017)
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' IR. NAWAWI BIN AHMAD
[LANGKAWI]**

TARIKH : 9 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)

SOALAN:

Dato' Ir. Nawawi Bin Ahmad [Langkawi] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah Kerajaan bercadang untuk mewujudkan satu garis panduan kegunaan wang tabung masjid, agar kegunaan manfaatnya dimaksimumkan, bukan sekadar disimpan sebagai deposit tetap sepanjang masa, sebab niat orang berderma adalah untuk digunakan, bukannya disimpan.

JAWAPAN : **(YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, bahawa pentadbiran dan semua urusan berkaitan masjid adalah di bawah bidang kuasa pihak berkuasa agama negeri-negeri, dan ini termaktub dalam Butiran 1, Senarai

19

II - Senarai Negeri, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan. Sehubungan itu, garis panduan atau tatacara pengurusan kegunaan wang tabung masjid adalah di bawah penetapan pihak berkuasa agama negeri-negeri masing-masing.

Misalnya, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) telah mengeluarkan **Garis Panduan Pengurusan Kewangan Masjid dan Surau Wilayah Persekutuan** pada tahun 2014 dan telah dikaji semula untuk penambahbaikan pada tahun 2016. Dimana semua kutipan/sumbangan yang diterima oleh pihak Jawatankuasa masjid/ surau di Wilayah-Wilayah Persekutuan akan digunakan untuk aktiviti pengimarahkan dan pembangunan masjid. Berdasarkan Garis Panduan tersebut, tiada pelaburan yang dibenarkan melainkan dengan mendapat kebenaran MAIWP. Pelaburan simpanan tetap yang disimpan merupakan wang lebihan yang tidak digunakan dan perlu/wajib dicairkan sekiranya terdapat keperluan masjid/ surau. Pelaburan tersebut boleh dibenarkan sekiranya tidak menjejaskan aktiviti pengimarahkan dan pembangunan masjid/ surau.

Sekian, terima kasih.